



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM.500-3/2/1(2)

Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 24 JULAI 2023

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 1/2023

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q29
(KEKOSONGAN 2 JAWATAN)**
- (b) **PENEMPATAN: BAHAGIAN PENYELIDIKAN**
- (c) **TARAF
JAWATAN : TETAP**
- (d) **JADUAL GAJI : RM 1,496.00 (Minimum) – RM 5,676.00 (Maksimum)**
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 145.00**
- (f) **IMBUHAN**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM160.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bayaran Imbuhan Sara Hidup : RM350.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED Q29**
 - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek matematik atau salah satu subjek sains.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,496.00); atau
 - (ii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,496.00); atau

- (iii) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,496.00); atau
- (iv) Diploma dalam bidang sains berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,774.37); atau
- (v) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,849.57); atau
- (vi) Diploma Sains Veterinar/Haiwan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan setaraf denganya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29 : RM1,924.77); dan

(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(j) SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2(h); atau
(ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) Had umur pelantikan:
 - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian

FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 11 OGOS 2023 (JUMAAT)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.